PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Sekolah di Derna mula dibuka semula selepas bah besar



KAWASAN di Derna, Libya yang teruk dilanda banjir besar. - AFP

- Oleh WARTAWAN LUAR NEGARA
- 2 Oktober 2023, 5:00 pm

TRIPOLI: Sekolah di bandar timur Derna dibuka semula selepas dilanda dilanda banjir beberapa minggu lalu yang menyebabkan ribuan nyawa terkorban dan kemusnahan besar.

Kementerian Pendidikan Libya, berkata pelajar yang sekolah mengalami kerosakan atau musnah akan menumpang sementara di sekolah lain, lapor Xinhua.

Selain itu, kementerian turut menyediakan sokongan psikososial untuk pelajar yang terjejas dan meminta sekolah swasta di Derna menerima pelajar terbabit belajar secara percuma.

Pada 10 September lalu, ribut Daniel mencetuskan banjir besar dan terburuk di Libya sejak beberapa dekad, menyaksikan ribuan terkorban dan masih hilang.

Pada 10 September lalu, ribut Daniel mencetuskan banjir besar dan terburuk di Libya sejak beberapa dekad, menyaksikan ribuan terkorban dan masih hilang.

Beberapa hari lalu, Perdana Menteri Abdul-Hamed Dbeibah mengeluarkan arahan untuk memperuntukkan hampir 93 juta dinar Libya (kira-kira AS$19 juta) untuk memulihkan sekolah yang rosak.